

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	24/08/2017

PM mahu rakyat nikmati limpahan manfaat NCER

um-24/8/2017 pg. 3



PUTRAJAYA 23 Ogos - Datuk Seri Najib Tun Razak mahu fokus pembangunan di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) yang merangkumi 80 projek termasuk tujuh nod pertumbuhan dilaksanakan secara berkesan bagi membolehkan limpahan manfaatnya dinikmati rakyat.

Menurut Perdana Menteri, usaha yang dijalankan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) itu juga wajar memberi tumpuan kepada bidang inovasi sosial yang membuka peluang pekerjaan, peluang perniagaan dan platform-platform yang boleh membantu meningkatkan taraf hidup kumpulan berpendapatan terendah (B40).

Ketua Eksekutif NCIA, Datuk Redza Rafiq berkata, perkara itu merupakan amanat dan saranan yang dinyatakan oleh Perdana Menteri ketika pengengerusan Mesyuarat NCIA ke-18 di Bangunan Perdana Putra di sini.

"Dalam mesyuarat itu, NCIA membentangkan projek-projek yang telah dilaksanakan dan juga yang baru dikenal pasti seiring dengan rangka tindakan pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara atau Blueprint 2.0.

"Sehubungan itu Perdana Menteri menyarankan agar NCIA terus bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri, agensi kerajaan pusat dan ahli-ahli akademik untuk memastikan limpahan perancangan projek dirasakan oleh warga NCER," ka-

tanya dalam sidang akhbar selepas mesyuarat berkenaan.

Yang turut hadir pada mesyuarat tersebut, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir dan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man.



REDZA RAFIQ

Redza memberitahu, tujuh nod pertumbuhan yang disarankan oleh Perdana Menteri itu adalah Perlis Inland Port, Greater Kamunting Cornubation Centre, Manjung Amanjaya

Maritime City, Chuping Valley Industrial Area, Kedah Science Technology Park, Batu Kawan Development dan Kedah Rubber City.

"Dalam membina pembangunan tujuh nod tersebut, semangannya tumpuan diberikan kepada bidang inovasi sosial sepertimana yang disarankan oleh Perdana Menteri kerana ia berpotensi meningkatkan pendapatan taraf hidup rakyat setempat," katanya.

Perdana Menteri juga, menurut beliau, mahu NCIA terus memperluaskan projek-projek berbentuk Program Inovasi Komuniti (CIC) sebagaimana contoh kejayaan dapat disaksikan menerusi Projek Penternakan Lebah Kelulut Lestari dan Hygienic Berasaskan Inovasi Mustafa Hive di Kubu Gajah, Perak.

"Perdana Menteri hendak tumpuan CIC itu dirasakan oleh keempat-empat negeri di wilayah NCER agar limpahan yang dirasakan melalui CIC di beberapa kawasan turut dirasakan di semua wilayah," katanya.